

Soalan 2: Sintaksis

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian kenal pasti **ayat silaan**, **ayat permintaan**, **ayat larangan**, dan **ayat suruhan** yang terdapat dalam petikan. Anda perlu menyalin ayat yang berkenaan dengan melabelkan jenis ayat tersebut.

- Puan Asyiqeen: Jemputlah masuk, Imran. Selamat datang ke rumah saya.
Imran: Terima kasih atas undangan. Selamat Hari Raya Aidilfitri saya ucapkan kepada Cikgu Asyiqeen dan sekeluarga.
Puan Asyiqeen: Terima kasih kembali. Selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada kamu dan sekeluarga juga. Makanlah apa-apa yang ada di atas meja itu. Janganlah kamu segan-segan pula.
Imran: Baik cikgu. Minta cikgu tunjukkan dapur kepada saya kerana saya ingin membasuh tangan.
Puan Asyiqeen: Boleh, ikut saya.
Imran: Terima kasih.

[8 markah]